

KURIKULUM PENGAJIAN QIRAAT DI SEKOLAH MENENGAH DAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA: SUATU SOROTAN AWAL

Ikmal Zaidi Hashim, Muhammad Fairuz A.Adi

Muhammad Syafee Salihin Hasan & Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi

ikmalzaidi@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Di Malaysia ilmu Qiraat telah dijadikan sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pendidikan arus perdana yang meliputi pengajian di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Menurut Zainora Daud (2015) kurikulum pengajian Qiraat telah diperkenalkan di Darul Quran, JAKIM sejak penubuhannya lagi pada tahun 1966 yang setelah itu diikuti oleh seluruh Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran yang bernaung di bawahnya di seluruh Malaysia. Selain itu ilmu Qiraat turut dijadikan salah satu mata pelajaran dalam Kelas Kemahiran Al-Quran sejak 1986 di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sebagai kokurikulum (Eadil, 2010). Mutakhir ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab bermula pada tahun 2014. Kurikulum tersebut turut memuatkan ilmu Qiraat sebagai salah satu subjek yang wajib diajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Semua ini menunjukkan bahawa qiraat bukan lagi satu ilmu yang asing khususnya dalam bidang pengajian Islam. Untuk itu kajian ini secara kualitatif menyorot dan menganalisis kurikulum qiraat yang dilaksanakan di peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi bagi melihat isi kandungan, objektif dan hasil pembelajarannya bertujuan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang boleh dijadikan asas kepada permasalahan kajian yang selanjutnya.

Kata kunci: Kurikulum Qiraat, Sekolah Menengah, IPT.

1.0 PENGENALAN

Kurikulum dapat difahami sebagai kandungan subjek yang dimasukkan ke dalam bidang pengajian yang diajar, satu reka bentuk atau perancangan sesebuah institusi atau negara, satu program pengajaran dan satu set objektif perlakuan (Zainora, 2015:39). Untuk itu kurikulum pengajian qiraat boleh difahami sebagai satu pembinaan pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam bidang Qiraat melalui institusi pendidikan bagi mempertingkatkan kemajuan pelajar melalui proses-proses pembelajaran yang disediakan. Dalam artikel ini penulis meneliti dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat mengenai kurikulum Qiraat yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah dan di Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

2.0 KURIKULUM QIRAAT DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

2.1 Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ)

Qiraat telah diperkenalkan dan dimasukkan dalam kurikulum arus perdana pendidikan sekolah menengah melalui program Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ) sejak tahun 1986 sehingga sekarang sebagai salah satu aktiviti kokurikulum. Kandungan kurikulum KKQ terdiri daripada:

- i. Pengantar kepada ilmu Qiraat seperti definisi, rukun-rukun qiraat, faedah mempelajari ilmu Qiraat, kategori qiraat dan sebagainya.
- ii. Pengenalan kepada semua Imam Qiraat yang tujuh berserta perawi masing-masing.
- iii. Pengenalan kepada istilah-istilah hukum bacaan dalam bahagian usul Qiraat seperti *idgham kabir*, *şilah mim al-Jam^c*, *ha' al-Kinayah*, *al-Madd*, *al-Qaşr*, *al-Ishba^c* dan lain-lain.
- iv. Aplikasi bacaan surah-surah dengan Qiraat Tujuh bermula dari *al-Duha* hingga *al-Nas*.

2.2 Kurikulum Bersepadu Tahfiz / Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)

Dalam kurikulum TMUA terdapat mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* (Kemahiran al-Quran) merangkumi:

- Tilawah (Bacaan)
- Tajwid (Hukum Tajwid)
- Adab al-Quran
- Ilmu Qiraat (Kaedah Bacaan)
- Amali Qiraat (Kaedah Bacaan Secara Praktikal, dan
- Rasm Uthmani (Kaedah Tulisan)

Aktiviti P&P mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* adalah seperti berikut:

- Bidang tilawah dan bidang amali *Qira'at Sab'ah* (praktikal kaedah tujuh cara bacaan) dilaksanakan secara kaedah *Talaqqi* (berguru) dan *Mushafahah* (secara lisan) di hadapan guru secara individu.
- Bidang Adab al-Quran, Tajwid, Manhaj *Qira'at Sab'ah* (teori kaedah tujuh cara bacaan) dan Rasm Uthmani dilaksanakan secara kaedah *Halaqah* (berkumpulan).

Antara isi kandungan mengenai *Qira'at Sab'ah*

- Mukaddimah Ilmu Qiraat
- Mabadi' ilm Qiraat
- Rukun Qiraat yang Sahih
- Jenis-jenis Qiraat
- Perbezaan antara al-Qurra', al-Riwayah, al-Toriq dan Wajh.
- Mulazamah 'ala Tilawah al-Quran
 - Pengenalan Imam Nafi' al-Daniey dan Perawinya serta manhaj qiraatnya.
- Pengenalan Imam Nafi'
- Pengenalan Imam Qalun dan Imam Warsh serta manhaj qiraatnya.
 - Pengenalan Imam Ibn Kathir al-Makkiy Perawinya serta manhaj qiraatnya.

- Pengenalan Imam Ibn Kathir al-Makkiey
- Pengenalan Imam al-Bazziey dan Imam Qanbul serta manhaj qiraatnya.
 - Pengenalan Imam Abu ‘Amru al-Basriey dan Perawinya serta manhaj qiraatnya.
- Pengenalan Imam Abu ‘Amru al-Basriey.
- Pengenalan Imam al-Duriey dan Imam al-Susi serta manhaj qiraatnya.¹

Kesimpulannya kurikulum Qiraat di peringkat sekolah menengah lebih kepada pengenalan awal kepada ilmu Qiraat termasuklah mengenali para imam dan rawi bagi setiap qiraat. Selain itu pelajar didedahkan dengan istilah-istilah hukum dalam ilmu Qiraat dan aplikasinya dalam bentuk pembacaan beberapa surah pilihan. Pada peringkat ini pelajar belum didedahkan kepada penggunaan matan dan teks rujukan qiraat yang utama seperti al-Shatibiyyah.

3.0 KURIKULUM QIRAAT DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Selain Darul Quran, terdapat banyak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkan pengajian qiraat sebagai salah satu program di institusi masing-masing. Hampir semua IPT tersebut menggabungkan pengajian qiraat dengan pengajian tahfiz Al-Quran. Ini menunjukkan hubungan antara dua bidang pengajian tersebut sangat signifikan.

3.1 Kurikulum Qiraat Peringkat Diploma

3.1.1 Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Kursus-kursus qiraat yang ditawarkan:

Jadual 1: Kursus Pengajian Teras (diwajibkan kepada semua pelajar setiap syukbah)

BIL.	KOD	NAMA KURSUS	JAM
1	PTQ 1142	Asas Qiraat Ilmi	2
2	PQA 1152	Asas Qiraat Amali	2

¹ Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 tahun 2016.

Jadual 2: Kursus Pengajian Syukbah Qiraat (PSQ)

BIL.	KOD	NAMA KURSUS	JAM
1	PSQ 2282	Qiraat Ilmi 1	2
2	PSQ 2292	Qiraat Ilmi 2	2
3	PSQ 2302	Qiraat Amali 1	2
4	PSQ 2312	Qiraat Amali 2	2
5	PSQ 3322	Qiraat Amali 3	2
6	PSQ 3332	Qiraat Amali 4	2

Ringkasan isi kandungan kursus:

Bagi kursus Asas Qiraat Ilmi pelajar akan mempelajari Qiraat Sepuluh meliputi bab-bab *Uṣūl al-Qira'at* berdasarkan matan Syatibi dan Durrah. Dalam kursus Asas Qiraat Amali pula pelajar akan dilatih membaca secara *ifrad* iaitu satu demi satu imam dan rawi bagi Qiraat Sepuluh yang melibatkan surah al-Fatihah hingga ayat 74 dari surah al-Baqarah. Kedua-dua kursus ini wajib diambil oleh semua pelajar Darul Quran.

Bagi kursus Qiraat Ilmi 1 dan 2 pelajar akan melanjutkan perbincangan dengan mempelajari matan Syatibi dan Durrah bagi bab-bab *Farsh al-Hurūf* meliputi 10 juzuk al-Quran dan diaplikasikan secara praktikal dengan membaca secara *ifrad* dalam kursus Qiraat Amali 1-4.²

3.1.2 Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat di Kolej Hafiz Klang

Jadual 3: Kursus-kursus qiraat yang ditawarkan.

No	Semester/ Tahun Ditawarkan	Nama dan Kod Kursus/ Modul	Klasifikasi (Major/Minor /Elektif/Audit	Nilai Kredit
1	Sem 1, Tahun 1	Usul Qiraat I PIQ 1073	Kursus Major	3
2	Sem 2, Tahun 1	Usul Qiraat II PIQ 1083	Kursus Major	3

² Agensi Kelayakan Malaysia. 2018. *Dokumen MQA-02: Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. 4.

3	Sem 3, Tahun 2	Qiraat Sepuluh I PSQ 2093	Kursus Major	3
4	Sem 4, Tahun 2	Qiraat Sepuluh II PSQ 2103	Kursus Major	3
5	Sem 5, Tahun 3	Qiraat Sepuluh III PSQ 3113	Kursus Major	3
6	Sem 6, Tahun 3	Qiraat Sepuluh IV	Kursus Major	3

Ringkasan isi kandungan kursus:

Bagi kursus Usul Qiraat I dan II sukatan pelajarannya meliputi bab-bab Usul dalam matan Syatibi, bagi kursus Qiraat Sepuluh I dan II melibatkan bacaan secara *jam^c al-Qira'at* bagi Qiraat Tujuh (sehingga surah Yunus) manakala bagi kursus Qiraat Sepuluh III dan IV melibatkan Qiraat Tiga sebagai lanjutan.³

3.1.3 Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Jadual 4: Kursus-kursus qiraat yang ditawarkan

Bil	Semester / Tahun Ditawarkan	Nama Kursus / Modul	Kod Kursus / Modul	Klasifikasi (Major/Minor/ Elektif/Audit)	Nilai Kredit
1	Semester 1 / Tahun 1	Qiraat Ilmi I	KTQ 2213	Teras Major	3
2	Semester 1 / Tahun 1	Hifz al-Mutun I	KTQ 2262	Teras Major	2
3	Semester 2 / Tahun 1	Qiraat Ilmi II	KTQ 2223	Teras Major	3

³ Agensi Kelayakan Malaysia. 2012. *Dokumen MQA-02: Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Kolej Hafiz Kelang*. 18.

4	Semester 2 / Tahun 1	Hifz al-Mutun II	KTQ 2272	Teras Major	2
5	Semester Khas 1 / Tahun 1	Asas Qiraat Amali	KTQ 2233	Teras Major	3
6	Semester 3 / Tahun 2	Qiraat Amali I	KTQ 2243	Teras Major	3
7	Semester 4 / Tahun 2	Qiraat Amali II	KTQ 2263	Teras Major	3

Ringkasan isi kandungan kursus:

Bagi kursus Qiraat Ilmi I dan II pelajar akan mempelajari manhaj Qiraat Sepuluh berpandukan tariq al-Shatibiyyah dan al-Durrah meliputi bab-bab Usul. Kursus Hifz al-Mutun I dan II pula memerlukan pelajar menghafaz bait-bait dalam matan al-Shatibiyyah dan al-Durrah. Kursus Asas Qiraat Amali dan Qiraat Amali I dan II pula mengaplikasikan bacaan *jam^c al-Qira'at* yang meliputi 30 juzuk Al-Quran.⁴

3.2 Kurikulum Qiraat Peringkat Ijazah Sarjana Muda

3.2.1 Sarjana Muda Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dengan Kepujian di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Jadual 5: Kursus-kursus qiraat yang ditawarkan.

Bil	Semester /Tahun Ditawarkan	Nama Kursus / Modul	Kod Kursus / Modul	Klasifikasi (Major/Minor/ Elektif/Audit)	Nilai Kredit
1	01/1	Qiraat Ilmian 1		Program teras	3

⁴Agensi Kelayakan Malaysia. 2017. *Dokumen MQA-02: Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)*. 40.

2	02/1	Qiraat Amaliyan 1		Program teras	3
3	02/1	Qiraat Ilmian 2		Program teras	3
4	03/2	Qiraat Amaliyan 2		Program teras	3
5	03/2	Qiraat Ilmian 3		Program teras	3
6	04/2	Qiraat Amaliyan 3		Program teras	3
7	04/2	Pengantar Ilmu Qiraat 'Asyarah Kubra		Program teras	3
8	05/3	Qiraat Amaliyan 4		Program teras	3
9	06/3	Taujih al-Qiraat		Program teras	3
10	06/3	Lahjat Wa al-Qiraat		Program elektif	2
11	07/4	Pengajian Qiraat Syazzah		Program teras	3

Ringkasan isi kandungan kursus:

Kursus-kursus Qiraat Ilmian 1-3 menumpukan teori-teori ilmu Qiraat meliputi syarah matan al-Shatibiyah dan perbezaan antara Qiraat Tujuh dengan Qiraat Sepuluh meliputi bab Usul Qiraat dan beberapa surah. Qiraat Amaliyan 1-3 pula memfokuskan aplikasi bacaan secara jamak Qiraat Tujuh. Kursus Pengantar Ilmu Qiraat 'Asyarah Kubra pula memperkenalkan Qiraat Sepuluh dan Ibn al-Jazari. Qiraat Amaliyan 4 pula sebagai lanjutan daripada kursus sebelumnya mengaplikasikan bacaan secara jamak Qiraat Sepuluh. Kursus Taujih al-Qiraat membicarakan tentang justifikasi setiap wajah bacaan yang dibaca dengan hujah-hujah pentafsiran. Kursus Lahjat Wa al-Qiraat pula memfokuskan isu dialek Arab dan kaitannya dengan kepelbagaian wajah qiraat. Pelajar juga diperkenalkan dengan qiraat yang *shadhdhah* iaitu qiraat

yang tidak dibaca sebagai Al-Quran tetapi dijadikan sebagai hujah dalam pentafsiran Al-Quran.⁵

3.2.2 Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah (Qiraat) Dengan Kepujian di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Jadual 6: Kursus-kursus qiraat yang ditawarkan

Bil	Semester /Tahun Ditawarkan	Nama Kursus / Modul	Kod Kursus / Modul	Klasifikasi (Major/Minor/ Elektif/Audit)	Nilai Kredit
1	1/1	Ilmu Qiraat		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	2
2	2/1	Kajian Usul Qiraat		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	2
3	2/1	al-Qiraat al-Tatbiqiyyah I		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	1
4	3/2	al-Qiraat al-Tatbiqiyyah II		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	1
5	4/2	al-Qiraat al-Tatbiqiyyah III		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	1
6	5/3	al-Qiraat al-Tatbiqiyyah IV		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	1
7	6/3	al-Qiraat al-Tatbiqiyyah V		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	1
8	7/3	al-Qiraat al-Tatbiqiyyah VI		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	1
9	7/3	Tawjih al-Qiraat al-Sab`ah		Wajib (Kursus Teras al-Qiraat)	3
10	5/3	Muraja`ah Matan Syatibi		Pilihan (Elektif)	5

⁵Agensi Kelayakan Malaysia. 2012. *Dokumen MQA-02: Sarjana Muda Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Dengan Kepujian Kolej Universiti INSANIAH*. 15.

11	6/3	Isu-isu Qiraat : Kritikan dan Jawapan		Pilihan (Elektif)	2
12	7/3	Al-Qiraat al-Waridah fi al-Sunnah		Pilihan (Elektif)	2

Ringkasan isi kandungan kursus:

Kursus Ilmu Qiraat merupakan penghantar kepada ilmu Qiraat yang menyentuh persoalan-persoalan asas mengenai ilmu Qiraat. Kursus Kajian Usul Qiraat pula merupakan syarah kepada bab Usul Qiraat seperti yang terkandung dalam matan al-Shatibiyyah. Kursus-kursus al-Qiraat al-Tatbiqiyyah I-VI membimbing pelajar dalam membaca Qiraat Tujuh secara jamak meliputi surah-surah tertentu. Kursus Tawjih al-Qiraat al-Sab'ah pula membicarakan hikmah di sebalik kepelbagaian qiraat amnya dan khasnya Qiraat Tujuh dan kesannya kepada pentafsiran dan kefahaman terhadap Al-Quran. Program ini juga menawarkan beberapa kursus elektif yang melibatkan ilmu Qiraat seperti kursus Isu-isu Qiraat : Kritikan dan Jawapan dan kursus Al-Qiraat al-Waridah fi al-Sunnah. Selain itu pelajar juga diberi peluang untuk menghafaz matan al-Shatibiyyah dalam kursus Muraja`ah Matan Syatibi.⁶

4.0 PEMERHATIAN

Berdasarkan sorotan awal penulis terhadap isi kandungan semua mata pelajaran dan kursus yang melibatkan ilmu Qiraat di peringkat sekolah menengah dan IPT penulis dapati bahawa:

- i. Terdapat persamaan antara sukatan mata pelajaran qiraat bagi KKQ dengan mata pelajaran Maharat al-Quran TMUA. Sorotan awal penulis mendapati seolah-olah isi kandungan dalam KKQ lebih banyak daripada TMUA.
- ii. Isi kandungan dalam kursus-kursus Qiraat di peringkat diploma hampir sama. Persamaan itu dapat dilihat pada penamaan kursus-kursus tersebut sekaligus menggambarkan isi kandungannya. Walau bagaimanapun masih terdapat

⁶ Agensi Kelayakan Malaysia. 2016. Dokumen MQA-02: *Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah (Qiraat) Dengan Kepujian, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)*. 23.

perbezaan dari segi pemberat atau liputan sukatan bagi sesetengah program berbanding dengan program seumpamanya. Yang menarik ialah terdapat program diploma yang kelihatan lebih meluas dan lebih berat isi kandungannya berbanding program sarjana muda.

- iii. Penghafazan Al-Quran sebagai asas kepada pembelajaran qiraat. Ini dapat dilihat dengan jelas pada peringkat diploma dan sarjana muda. Ini membuktikan bahawa penghafazan Al-Quran sangat berkait rapat dengan pembelajaran qiraat dan merupakan satu disiplin yang diamalkan dalam bidang ini.
- iv. Ilmu-ilmu Qiraat yang dipelajari di Malaysia lebih banyak berteraskan *al-Riwayah* berbanding *al-Dirayah*.
- v. Kreativiti pihak IPT dalam menggubal kursus-kursus qiraat yang segar dan kontemporari bagi memenuhi ruang *al-Dirayah* di samping menghubungkan ilmu Qiraat dengan ilmu-ilmu Islam yang lain.

5.0 KESIMPULAN DAN SARANAN

Penulis membuat kesimpulan bahawa masih banyak ruang yang boleh diisi dalam membangunkan kurikulum bidang pengajian Qiraat khasnya di Malaysia sama ada dalam isi kandungan mahu pun kaedah pengajaran dan pembelajaran. Penulis mencadangkan agar pihak berwajib seperti Agensi Kelayakan Malaysia menggubal satu standard khas bagi pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qiraat di IPT. Ini disebabkan semakin banyak IPT yang berminat menawarkan program-program berkenaan maka sudah sampai masanya diletakkan satu penanda aras yang tersendiri agar dapat memastikan graduan yang lahir daripada program-program sedia ada dan yang akan datang terdiri daripada graduan yang berilmu dan berkemahiran tinggi dalam bidang ini.

RUJUKAN

- Agensi Kelayakan Malaysia. 2012. Dokumen MQA-02: Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Kolej Hafiz Kelang.
- Agensi Kelayakan Malaysia. 2012. Dokumen MQA-02: Sarjana Muda Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Dengan Kepujian Kolej Universiti INSANIAH.
- Agensi Kelayakan Malaysia. 2016. Dokumen MQA-02: Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah (Qiraat) Dengan Kepujian, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Agensi Kelayakan Malaysia. 2017. Dokumen MQA-02: Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Agensi Kelayakan Malaysia. 2018. Dokumen MQA-02: Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Eadil Mat. 2010. *Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) : Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya di Sekolah-sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Zainora Daud. 2015. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran di Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya.